

**KATA-KATA ALUAN**  
**SHEIKH SYED ISA BIN SEMAIT**  
**PENASIHAT PEJABAT MUFTI, MUIS**  
**MUSABAQAH TILAWAH AL-QURAN & TAHFIZ**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN**  
**BELIA, DEWASA & KANAK-KANAK**  
**AHAD, 1 MEI 2011, MASJID SULTAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،  
سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين، وعلى من سار على نهجه ومضى  
على هديه إلى يوم الدين... وبعد.

**Assalamualaikum Wr. Wb.**

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Illahi, di atas limpah dan kurniaannya dapat kita bertemu di dalam majlis yang penuh barakah pada hari ini.

2 Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Tilawah Al-Quran di atas kejayaan mereka dalam menganjurkan Musabaqah Tahfiz dan juga Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan. Ternyata majlis yang penuh meriah dan

barakah sebegini memerlukan kepada perancangan yang rapi dan teliti serta usaha yang berterusan.

3 Alhamdulillah, pada hemat saya, sambutan masyarakat terhadap majlis Musabaqah Al-Quran pada setiap tahun adalah amat baik dan memberangsangkan. Ini merupakan satu petanda baik di mana masyarakat sangat perihatin dan menitikberatkan soal mutu pembacaan Al-Quran.

4 Malah penyertaan para peserta dalam Peraduan Menghafal Al-Quran semakin meningkat bilangannya. Ini satu petanda yang menunjukkan peningkatan minat masyarakat kita untuk mendalami ilmu Al-Quran.

5 Semoga usaha murni yang dilakukan mencapai tujuannya iaitu memartabatkan Al-Quran di kalangan masyarakat Islam Singapura.

6 Di samping peningkatan mutu bacaan dan penghafalan Al-Quran, perlu juga kita menitikberatkan soal penghayatan menyeluruh mesej-mesej utama Al-Quran seperti Ihsan, Rahmah, berkata benar, amanah dan sebagainya. Penghayatan ini insya Allah akan menyuburkan rohani kita

untuk terus membangun dan bermuhasabah, melalui penghayatan tersebut juga akan mengetuk minda kita untuk merenung, berfikir, menganalisa dan membuat pertimbangan yang baik demi maslahat agama dan kepentingan dunia kita. Melalui penghayatan tersebut juga kita mengukuh jalinan persaudaran di antara umat manusia demi keamanan dan kesejahteraan sejagat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7 Untuk itu, saya ingin menyarankan agar sama-sama kita fikirkan bagaimana dapat diwujudkan sebuah wadah perbincangan dan penyelidikan berkaitan ilmu-ilmu berkaitan Al-Quran. Sebagai contoh, kita boleh pertimbangkan untuk mengadakan sebuah muzakarah pakar-pakar ilmu-ilmu Al-Quran kebangsaan ataupun serantau.

8 Saya percaya dengan wujudnya wadah perkongsian Ilmu dan karya mengenai perkembangan pengajian Al-Quran dan tafsir sedemikian, ia akan mendalamkan lagi penghayatan masyarakat Islam Singapura akan nilai-nilai serta mesej mendalam Kitabullah ini. Ini disamping meningkatkan lagi kemahiran pakar Al-Quran setempat

dengan mengembangkan pengetahuan serta kajian mereka berkenaan Al-Quran.

10 Akhir sekali, saya memanjatkan doa kepada Allah agar dikurniakan kepada kita “Hamalatul-Quran” yang dapat membimbing masyarakat Islam dan mengislahkan jiwa dan minda mereka untuk terus memberi sumbangan yang terbaik kepada agama, bangsa dan Negara Singapura yang tercinta.

11 Sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Majlis Tilawah dan Tahfiz Al-Quran yang terajui oleh Masjid An-Nur dengan kerjasama Masjid Assyafaah, En Naeem, Mujahidin dan An-Nadhdah yang telah berusaha gigih selama beberapa bulan ini untuk menjayakan majlis-majlis yang saya sebutkan di atas. Semoga usaha-usaha baik ini diredhai Allah s.w.t. dan menyumbang pada pembangunan serta kemajuan Masyarakat Islam Singapura.

As-salamualaikum wrt wbt.